



3 April 2017
3 April 2017
P.U. (A) 104

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN)
(NO. 2) 2017

FOOD (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 2) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) (No. 2) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2017 kecuali peraturan 2 dan 5.

(3) Peraturan 2 dan 5 mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2017.

Penggantian peraturan 26A

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [P.U. (A) 437/1985], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 26A dengan peraturan yang berikut:

"Kultur probiotik 26A. (1) Bagi maksud peraturan ini, "kultur probiotik" ertinya mikroorganisma hidup yang apabila digunakan dalam jumlah yang mencukupi memberi manfaat kesihatan kepada hosnya.

(2) Kultur yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Belas A atau dengan kelulusan bertulis terdahulu daripada Pengarah hendaklah menjadi kultur probiotik mengikut pengertian dan bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini, kultur probiotik yang dibenarkan

boleh ditambah kepada makanan.

(4) Kultur probiotik yang ditambah hendaklah kekal hidup dan bilangan probiotik hidup tidak boleh kurang daripada 10^6 cfu/ml atau cfu/g semasa hayat simpanan makanan itu.

(5) Kultur probiotik tidak boleh mengandungi gen kebal antibiotik yang boleh dipindahkan.

(6) Maka hendaklah ditulis pada label atas suatu bungkusan bagi makanan yang kepadanya kultur probiotik ditambah, butiran yang berikut:

(a) perkataan “MENGANDUNGI (nyatakan kuantiti) KULTUR PROBIOTIK”;

(b) penentuan genus, spesies dan strain kultur probiotik; dan

(c) arahan bagi penyimpanan sebelum dan selepas bungkusan dibuka.

(7) Bagi maksud subperaturan (6), jika media yang digunakan bagi pembiakan dan penyelenggaraan kultur probiotik berasal daripada binatang, nama biasa binatang itu hendaklah dinyatakan pada label makanan dengan menggunakan perkataan “MEDIA YANG DIGUNAKAN BAGI PEMBIAKAN KULTUR PROBIOTIK BERASAL DARIPADA (nama biasa binatang itu)”.

(8) Maka bolehlah ditulis pada label atas suatu bungkusan bagi makanan yang kepadanya kultur probiotik ditambah, perkataan “Kultur probiotik membantu meningkatkan fungsi usus atau salur makanan” atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai makna yang sama.”.

Pindaan peraturan 37

3. Peraturan 37 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “dan residu racun perosak” dengan perkataan “, residu racun perosak dan cecair lain”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “bahan pengawet, bahan pewarna, bahan perisa, penambah perisa, antipengoksida, kondisioner makanan, bahan pemanis tanpa zat” dengan perkataan “aditif makanan”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Kecuali bagi residu racun perosak, tiada seorang pun boleh mengimport, menyedia atau mengiklankan untuk jualan atau menjual apa-apa makanan yang mengandungi apa-apa jujuk kebetulan, kecuali sebagaimana yang dinyatakan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini atau dalam *Codex Alimentarius*.”.

Pindaan peraturan 113

4. Subperaturan 113(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “bahan pengawet” dengan perkataan “bahan perisa”.

Penggantian Jadual Kedua Belas A

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua Belas A dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA BELAS A
[Peraturan 26A]
KULTUR PROBIOTIK

1. *Bifidobacterium sp.*

Sinonim: “*Tissieria*”, “*Bifidibacterium*”

B.bifidum Bb-02

B.breve strain Yakult

B.breve M-16V

B. animalis subsp. lactis (BB-12)

B.lactis HN019

B.lactis Bl-04

B.lactis Bi-07

B.lactis 420

B. lactis CNCM I-3446

B.longum BB536

B.longum BB-46

B.longum Rosell-175

B. longum ATCC BAA-999

2. *Lactobacillus sp.*

L.acidophilus LA-5

L.acidophilus NCFM

L.acidophilus La-14

L.acidophilus Rosell-52

L.casei Shirota

L.johnsonii La 1/Lj 1

L.johnsonii CNCM I-1225

L.paracasei subsp. paracasei (L.CASEI 01)

L.paracasei subsp. paracasei (L.CASEI 431)

L.paracasei Lpc-37

L.paracasei CNCM I-2116

L.plantarum Lp-115

L.rhamnosus (LGG)

L.rhamnosus Lr-32

L.rhamnosus HN001

L.rhamnosus Rosell-11

L. rhamnosus CGMCC 1.3724

L.salivarius Ls-33

L.reuteri DSM 17938*